



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

PELAKSANAAN BAYARAN PENDAHULUAN INSENTIF PEMBAJAKAN PADI (*ONE-OFF*) BAGI PESAWAH DI SEMENANJUNG MALAYSIA

PUTRAJAYA, 7 MEI 2026 – Kerajaan MADANI menerusi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) terus memperkukuh komitmen membantu golongan pesawah apabila akan melaksanakan bayaran pendahuluan Insentif Pembajakan Kepada Pesawah (IPKP) sebanyak RM200 sehektar kepada pesawah di Semenanjung Malaysia.

Langkah ini bertujuan mengurangkan beban modal permulaan yang sebelum ini perlu ditanggung sendiri oleh pesawah. **Justeru itu, bayaran pendahuluan ini dijadual mula disalurkan pada 19 Mei 2026 secara berperingkat mengikut jadual dan pengesahan agensi berkaitan.**

Pelaksanaan bantuan ini melibatkan pesawah yang berdaftar di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) bagi musim semasa (keutamaan bagi musim 1/2026) serta melibatkan pesawah di Semenanjung Malaysia sahaja.

Bagi Sabah dan Sarawak, kadar insentif kekal mengikut kadar sedia ada memandangkan pesawah di kedua-dua negeri tersebut masih menikmati subsidi diesel.

Melalui pelaksanaan ini, pesawah akan menerima:

- Bayaran pendahuluan RM200 sehektar secara *one-off* sebelum atau semasa kerja membajak dimulakan; dan
- Baki RM100 sehektar selepas kerja pembajakan selesai dan disahkan oleh agensi berkaitan.

Bagi memastikan proses pembayaran lebih cepat dan mudah, penyaluran bantuan akan dibuat terus ke akaun bank pesawah yang berdaftar, selain kemudahan pembayaran tunai melalui pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) bagi kes-kes tertentu.

KPKM yakin langkah ini akan dapat membantu meningkatkan aliran tunai pesawah, mempercepat persiapan musim penanaman serta memberi keyakinan kepada komuniti pesawah bahawa Kerajaan MADANI sentiasa mendengar keluhan dan memahami cabaran sebenar yang dihadapi mereka di peringkat lapangan.

Kerajaan MADANI akan terus komited memastikan agenda keterjaminan makanan negara diperkukuh melalui sokongan berterusan kepada sektor penanaman padi dan kebajikan pesawah negara.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

